

02/05/2000

Kerjasama erat tingkatkan pengeluaran

KUALA LUMPUR, Isnin - Majikan dan pekerja perlu memainkan peranan masing-masing bagi meningkatkan produktiviti syarikat, kata Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Mohd Yusop Harmain Shah.

Beliau berkata, kerjasama erat kedua-dua belah pihak bukan saja memberi keuntungan kepada syarikat malah pekerja akan dapat menikmati hasil yang diperolehi.

"Majikan dan pekerja yang saling memahami akan membantu prestasi syarikat. Sekiranya syarikat menjaga kebajikan pekerja, tentulah pekerja akan bersemangat untuk meningkatkan produktiviti.

"Tetapi, pekerja juga perlu memahami bahawa setiap syarikat mempunyai dasar tertentu yang perlu dipatuhi. Perkongsian bijak antara kedua-duanya akan memberi keuntungan kepada semua pihak," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, kerajaan tidak dapat menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,200 sebulan secara sekali gus kepada pekerja negara ini.

Beliau berkata, penentuan gaji minimum yang tinggi akan menyebabkan kenaikan gaji menyeluruh yang tidak mampu dipikul kerajaan atau swasta.

Sementara itu Pertubuhan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) mahu kerajaan berhati-hati ketika menaikkan gaji dan tidak terpengaruh dengan keadaan, semata-mata bagi mengambil hati golongan pekerja untuk mengekalkan pemerintahannya.

Sambil mengalu-alukan langkah kerajaan tidak menetapkan gaji minimum RM1,200 secara sekali gus kepada pekerja di negara ini, PKKM menjelaskan perkara itu bukan bermakna kerajaan tidak menghargai sumbangan pekerja terhadap kemajuan negara.

Yang dipertuannya, Datuk Ahmad Arshad, berkata kerajaan sudah melakukan banyak perkara untuk kebaikan pekerja termasuk menaikkan gaji kakitangannya sebanyak 10 peratus baru-baru ini.

"Perlu diingat dengan kenaikan gaji ini, ahli perniagaan akan menaikkan harga barangan keperluan harian," katanya ketika menghubungi Berita Harian, semalam.

(END)